

# Perwakilan mahu ekstrem kaum, agama disekat

BH 25 AUG 2003

KUALA LUMPUR: Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-32 semalam sebulat suara meluluskan deklarasi menghargai sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pembangunan negara sejak dua dekad lalu.

Perwakilan juga menyokong penuh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Perdana Menteri menggantikan Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini.

Dalam deklarasi itu, Gerakan turut menyatakan komitmen untuk membentuk masyarakat adil selaras dengan matlamat Wawasan 2020 dan Bangsa Malaysia.

Selain itu, perwakilan membantah semua bentuk fahaman pelampau kaum dan agama, cauvanisme serta pencerobohan termasuk keganasan dan pepe-rangan.

Mereka juga memberi sokongan penuh terhadap semua usaha untuk memperbaiki hubungan antara kaum dan menggalakkan perpaduan nasional melalui sikap hormat-menghormati dan toleransi.

Deklarasi itu turut membabitkan galakan pembelajaran seumur hidup khususnya di kalangan mereka yang tidak berkemahiran

sebagai strategi utama dalam usaha mencipta ekonomi dan masyarakat berpengetahuan.

Pada masa sama, perwakilan meluluskan cadangan untuk meminda 29 peruntukan dalam perlembagaan parti itu bagi mengembangkan dan mengukuhkan Gerakan.

Ini termasuk membenarkan semua Pengerusi negeri menjadi ahli Jawatankuasa Pusat (CC) secara automatik dan mengurangkan ahli biasa dalam CC daripada 18 menjadi 12 orang.

Pada masa sama, jumlah maksimum cawangan di sesebuah bahagian ditingkatkan daripada 12 menjadi 18 dengan setiap cawangan mempunyai sekurang-kurangnya 50 ahli.

Jumlah sub-cawangan dalam satu cawangan pula tidak boleh melebihi 12 dengan setiap satunya mempunyai tidak kurang 20 ahli.

Jumlah Majlis Ahli Seumur Hidup juga ditingkatkan daripada 150 orang kepada 300 orang termasuk semua ahli pengasas.

Seorang ahli seumur hidup mesti dilantik daripada kalangan ahli biasa yang sudah menyertai parti sekurang-kurangnya 20 tahun berbanding 15 tahun sebelum ini, yang aktif di mana-mana peringkat dalam parti.